

yang tidak kena mengena dengan beliau. Walhasil membuat gambar junjungan kita Muhammad (SAW) itu adalah dipandang oleh umat Islam sebagai suatu kehinaan.

* * *

Sulaymān Ahmad, Batu Pahat bertanya: Saya sekarang sangat musykil tentang kedudukan pemuda-pemuda kita yang nampaknya dari sehari ke sehari jauh atau kurang perhatian mereka kepada agama. Apakah satu ikhtiar yang baik untuk menarik perhatian mereka kepada beragama itu?

Jawab: Perhatian ini sebenarnya tepat. Kita melihat sekarang pemuda-pemuda kita telah banyak menjauhi agamanya disebabkan kerana kurang pengertian dan asuhannya kepada agama.

Untuk membawa perhatian mereka lebih cenderung kepada agama maka adalah menjadi kewajipan kepada tiap-tiap orang Islam memberi pertunjuk kepada mereka dengan cara-cara yang bijaksana. Yang utama diberikan kepada mereka ialah pengenalan mereka kepada tauhid dengan menunjukkan kenyataan yang tepat dan jitu – boleh dibanding dan difikirkan dengan masak-masak. Kita percaya dengan cara yang bebas dan cara memberi fahaman yang demikian itulah sahaja dapat dipalingkan perasaan pemuda-pemuda kita kepada agamanya kerana jika jitu tauhid telah tertanam maka sudah tentu ia tidak akan berpaling daripadanya.

Tentang kewajipan memberi pertunjuk itu adalah kewajipan bersama di antara kita umat Islam tetapi semakin besar pengetahuan dalam agama maka semakin besar pula tanggungannya.

* * *

Muhammad Yūnus Ahmad, Sabak Bernam bertanya: Bolehkah tuan memberi keterangan tentang keadaan air mani perempuan dan air mani lelaki dan bagaimana percampurannya itu boleh menjadikan lelaki atau perempuan – mengikut keterangan agama?

Jawab: Pada zaman Nabi (SAW) suatu jemaah kaum Yahudi telah datang menghadap beliau untuk menguji kenabian

beliau dengan mendatangkan empat pertanyaan – dengan mengaku bahawa jika pertanyaan-pertanyaan mereka tepat dijawab maka mereka bersedia memasuki Islam. Di antara empat pertanyaan itu, pertanyaan di atas mengikut pendapatan kita, adalah seakan-akan menyerupai pertanyaan di atas. Kandungan pertanyaan jemaah Yahudi itu ialah: Betapakah air (mani) laki-laki dan perempuan itu?

Jawab yang diberi oleh junjungan kita (SAW) kepada mereka (maksudnya): Saya tanyakan kepada kamu dengan nama Tuhan yang tiada Tuhan melainkan Allah yang telah menurunkan Tawrat kepada Musa: “Adalah kamu ketahui bahawa air lelaki itu putih tebal sedang air perempuan itu kuning dan tipis. Maka yang mana meninggi, adalah anak yang terjadi pada percampuran di antara lelaki dan perempuan itu menyerupai dengan izin Allah: Jika lebih tinggi air lelaki daripada perempuan maka lelaki anaknya dengan izin Allah: dan jika tinggi air perempuan daripada air lelaki perempuanlah anak itu dengan izin Allah”.

Kita berpendapatan dengan riwayat ini memadai jawapan saudara penanya itu.

Persekutuan Bahasa Melayu

University of Malaya

Suatu lagi badan bahasa yang akan berusaha ke arah perkembangan bahasa dan persuratan Melayu ialah “Persekutuan Bahasa Melayu University of Malaya” yang telah didirikan baharu-baharu ini.

Persekutuan ini telah membentuk suatu lembaga bagi mencari dan memikirkan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu, diambil atau diterjemah dari bahasa asing, mengenai ilmu sains, perubatan dan arts.

Lembaga ini juga ditugaskan menyiasat dan menetapkan ejaan-ejaan dan perkataan-perkataan Melayu sama ada dalam tulisan jawi atau rumi.

Usaha lembaga ini dibahagi tiga. Pertama, bahagian menterjemah dan menetapkan perkataan-perkataan dalam ilmu arts, sains, perubatan dan lain-lain. Diketuai oleh A. Ali bin Haji Ahmad.

Kedua: Bahagian mengatur ejaan diketuai oleh A. Tahir Rahim.

Ketiga: Bahagian mengatur nama-nama dan gelaran-gelaran Melayu di dalam ilmu memegang buku (Book Keeping). Diketuai oleh Ungku Aziz Abdul Hamid.